

02 DEC 1999

Mahathir-Asia

ASIA PERLU LUPA PERISTIWA SILAM DAN MENGORAK LANGKAH KE DEPAN

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menekankan yang negara-negara Asia perlu lupakan peperangan antara satu sama lain lebih 50 tahun lepas.

Beliau berkata, di Eropah musuh tradisi sudahpun bekerjasama.

"Kita tidak harus memikirkan yang silam, peperangan antara satu sama lain, jika tidak kita tidak akan dapat duduk bersama dan bekerjasama. Kita mesti melupakan peristiwa silam dan bermula dengan lembaran baru di alaf baru nanti," kata beliau.

"Kita tidak harus meneruskan pendirian yang kita tidak boleh percayai China," kata Dr Mahathir pada satu dialog selepas merasmikan persidangan antarabangsa aeroangkasa sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 199 (LIMA'99) di sini, hari ini.

Sebagai contoh, katanya, jika mana-mana negara membina kekuatan tentera untuk melindungi diri daripada China, maka China juga akan membina kekuatan tentera untuk mempertahankan dirinya.

Perlumbaan itu akan berterusan menyebabkan wang yang sepatutnya digunakan untuk membantu rakyat yang miskin diguna untuk membina kekuatan tentera.

"Jika kita terus memikirkan yang 50 tahun lepas yang ada orang dibunuh di tempat itu, oleh itu kita tidak boleh mempunyai hubungan dengan tempat itu, pemikiran seperti itu tidak akan membawa kita ke mana-mana."

Kita harus bersedia melupakan peristiwa silam dan memandang ke depan. Kita boleh bekerjasama daripada segi keselamatan, lebih daripada itu kita boleh membina helikopter atapun kapal terbang seperti 'airbus' dan seterusnya," kata beliau.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, teknologi boleh dibangunkan untuk kegunaan secara aman dan untuk menyelamatkan nyawa berbanding di sebaliknya.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata senjata-senjata tidak harus dibuat lebih canggih berbanding apa yang ada sekarang, dan para pembuat senjata sebaliknya perlu mencari jalan menyelamatkan nyawa.

"Teknologi mereka boleh diubahsuai untuk digunakan bagi tujuan-tujuan aman yang pasti tidak akan merugikan mereka," katanya.

Merujuk kepada cadangan 'Rejim Keselamatan Asia', Dr Mahathir berkata ia harus bermula dengan dialog di kalangan negara-negara Asia dan bantu mereka melupakan konflik sebelumnya, khasnya mereka yang saling bermusuhan pada satu masa dahulu.

Beliau berkata, rejim keselamatan baru itu bukan untuk menyediakan Asia Timur untuk berperang dengan Amerika Syarikat atau Eropah tetapi untuk bertindak terhadap aktiviti lanun dan keadaan tiada undang-undang merentasi sempadan antarabangsa.

-- BERNAMA

TEAM PR